

12 AUG 2001
Kembara-Melaka
PROGRAM KEMBARA MERDEKA 2001 TIBA DI MELAKA

MELAKA, 12 Ogos (Bernama) -- Program Kembara Merdeka 2001, bertujuan menyemarakkan semangat patriotik rakyat kepada negara sempena bulan kemerdekaan dan sambutan Hari Kebangsaan ke-44 tahun ini, tiba di Melaka hari ini.

Seramai 100 peserta termasuk wartawan dan jurugambar yang menaiki 17 kenderaan pacuan empat roda tiba di Kampung Bukit Pulau dekat Bukit Baru selepas selesai menjelajah Johor.

Ketibaan peserta program berkenaan, yang akan berada di negeri ini selama dua hari, disambut oleh Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri Datuk Mo'min Abdul Aziz dengan disambut paluan kompang dan pertunjukan silat oleh penduduk sekitar kampung berkenaan.

Mo'min juga melancarkan pengembaraan peringkat negeri dan peserta akan menjelajah sekitar Melaka sebelum ke Tampin petang esok untuk penjelajahan peringkat Negeri Sembilan pula.

Program Kembara Merdeka 2001 dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya pada 1 Ogos lepas dan dijangka tamat di Dataran Merdeka pada 17 Ogos ini.

Antara program yang dirancang sepanjang kembara berkenaan ialah sivik rohani bersama penduduk tempatan, yang bertujuan memberi kesedaran kepada rakyat untuk menghayati erti kemerdekaan negara selain pameran oleh Jabatan Penerangan.

Kembara berkenaan telah menjelajahi Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor sebelum tiba di sini melalui Muar.

-- BERNAMA
SBS NAK